

Belajar berasingan sulitkan perpaduan

031

Oleh SARIHA MOHD ALI

KUANTAN: Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamed, mengakui sukar untuk memupuk perpaduan dari peringkat awal berdasarkan hakikat sebilangan besar murid bukan Melayu bersekolah di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Cina dan Tamil.

Katanya, lebih 90 peratus kanak-kanak Cina bersekolah di SJK Cina, lebih 65 peratus kanak-kanak India bersekolah di SJK Tamil manakala lebih 95 peratus anak Melayu masuk ke sekolah kebangsaan.

"Keadaan ini, jika dibiarkan, akan menyebabkan perpaduan kaum semakin longgar dan usaha mengukuhkan kembali perpaduan sudah terlewati jika ia dilakukan apabila kanak-kanak itu mencapai usia dewasa.

"Ini kerana mereka lebih cenderung dan selesa untuk berkumpul sesama mereka dan tidak memahami atau menghormati kaum lain," katanya ketika dihubungi *Berita Minggu* di sini, semalam.

Dalam hubungan ini, Musa mahu semua pihak tidak menyalah anggap kenyataannya menyokong pandangan Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew, mengenai sistem pendidikan di Malaysia yang tidak menjurus ke arah perpaduan rakyat berbilang kaum.

Menurutnya, kenyataannya menyokong saranan bekas Perdana Menteri Singapura itu kelmarin hanya membabitkan isu perpaduan dan pendidikan.

Lee, pada satu majlis dialog dengan pemimpin Melayu/Islam Singapura minggu lalu, berkata sistem pendidikan Malaysia menjurus kepada perkauman sehingga sukar bagi kerajaan memupuk perpaduan antara rakyat berbilang kaum.

Menteri Kanan Singapura itu merujuk kepada kewujudan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan penghantaran pelajar ke SJK Cina dan Tamil sebagai beberapa contoh kelemahan sistem pendidikan Malaysia.

LIHAT MUKA 2

18

Golongan muda cenderung cetus isu perkauman

DARI MUKA 1

031

Musa berkata, pergaduhan di beberapa penempatan di Jalan Klang Lama, Petaling Jaya baru-baru ini menunjukkan kebanyakan mereka yang terbaik adalah golongan muda yang lebih cenderung menceetuskan isu perkauman dan ia tidak akan berlarutan jika persefahaman dapat dibentuk lebih awal.

"Dengan sokongan semua pihak, saya yakin Sekolah Wawasan mampu mewujudkan perpaduan," katanya.

Beliau berkata, kelemahan sistem pendidikan di Malaysia pada masa ini yang mengasingkan pelajar Melayu, Cina dan India, belajar di sekolah aliran masing-masing, menyebabkan usaha mewujudkan perpaduan di kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini menjadi lebih sukar.

Sistem pendidikan sekarang, katanya, memperlihatkan kegagalan sekolah kebangsaan memupuk perpaduan rakyat seperti terkandung dalam Laporan Rahman Talib kerana ia kini seolah-olah menjadi sekolah Melayu.

Musa berkata, kewujudan Sekolah Wawasan adalah kaedah terbaik bagi mengukuhkan kembali perpaduan yang kini semakin longgar.

"Pelaksanaan Sekolah Wawasan mampu menjadikan rakyat Malaysia pada masa depan bersatu padu walaupun berlainan bangsa, agama dan

budaya kerana mereka mengenali dan menghormati antara satu sama lain sejak kecil," katanya.

Menerusi konsep itu, katanya, mereka tetap bercampur kerana menggunakan kantin, padang dan tempat perhimpuan yang sama walaupun belajar di bangunan berlainan.

Bagaimanapun, katanya, hasrat murni kerajaan itu ditentang sesetengah pihak, termasuk pemimpin politik yang mendakwa perubahan Sekolah Wawasan akan menghilangkan identiti sekolah Cina dan India.

Musa berkata, pelaksanaan Sekolah Wawasan dapat menghilangkan kejanggalan untuk bercampur dengan kaum lain, sekali gus mendedahkan mereka dengan bangsa, budaya dan agama berlainan sejak kecil lagi.

Beliau berkata, walaupun mungkin berlaku pergaduhan kaum selepas adanya Sekolah Wawasan, ia dapat dikurangkan dan dicegah lebih awal.

Sementara itu, Musa berkata, sembilan Sekolah Wawasan siap dibina pertengahan tahun depan dan akan memulakan sesi persekolahan pada 2003.

Sebagai permulaan, katanya, kira-kira 8,000 pelajar, kebanyakannya memasuki tahun satu, akan bersekolah di sekolah berkenaan, sekali gus menjadi pelajar perintis kepada projek itu di seluruh negara.